



TEKS UCAPAN

YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

**SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) KERJASAMA
PELABURAN LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
DENGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

19 JULAI 2024 | MENARA AFFIN, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

- **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof**
Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
- **Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg**
Premier, Kerajaan Negeri Sarawak
- Timbalan-timbalan Premier Kerajaan Negeri Sarawak
- **Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara)**
Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Barisan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak
- **Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
- **Yang Berbahagia Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan
- **Yang Berbahagia Dato Sri Dr. Wan Lizozman bin Wan Omar**
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
- **Yang Berusaha Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi**
Ketua Eksekutif LTAT
- Barisan Ahli Lembaga LTAT
- Tuan/Puan, hadirin yang saya hormati

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam acara yang bersejarah ini. Sudah pasti, saya amat berbesar hati diberikan peluang untuk berada di sini, bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan, bagi menyaksikan acara menandatangani **Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pelaburan antara Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kerajaan Negeri Sarawak.**
2. Acara pada hari ini merupakan satu peristiwa penting dalam usaha untuk memperkukuh kerjasama strategik dan hubungan baik antara LTAT dan Kerajaan Negeri Sarawak. Kerjasama ini dijangka membawa pelbagai manfaat signifikan kepada kedua-dua pihak serta bakal memberikan impak positif yang lebih luas kepada ekonomi negara.
3. Selain itu, perjanjian ini juga akan memberi manfaat besar kepada wang simpanan persaraan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di LTAT. Melalui kerjasama pelaburan strategik ini, dana persaraan anggota ATM akan diurus dengan lebih efektif dan efisien, memastikan pulangan yang lebih baik dan stabil. Ianya bukan sahaja akan meningkatkan kestabilan kewangan mereka selepas bersara, tetapi sebagai jaminan dalam menyusuri masa depan yang lebih cerah.

Hadirin yang dihormati,

4. Veteran ATM mendapat tempat yang sangat khusus di hati saya. Mereka adalah wira dan serikandi negara yang telah berkorban nyawa dan masa demi memastikan kita semua menjalani kehidupan yang aman dan selesa bersama keluarga. Sebagai Timbalan Menteri Pertahanan, ia merupakan salah satu amanat dan tanggungjawab saya untuk memastikan kelestarian kebajikan serta sosio-ekonomi mereka terus terpelihara.

5. Untuk makluman YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Premier dan ahli-ahli Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak, saya telah memulakan siri Jelajah Peduli Veteran Madani di Sarawak pada bulan Mei baru-baru ini. Berdasarkan pemerhatian, saya mendapati Sarawak mempunyai potensi sebagai pusat tumpuan ekonomi yang mampu memberi peluang yang besar kepada rakyatnya terutamanya dari kalangan veteran ATM.
6. Melalui jelajah ini, saya berpeluang untuk bertemu dengan ramai veteran ATM yang berkongsi pelbagai kisah dan cabaran yang dihadapi mereka. Saya berharap kerjasama yang dimeterai hari ini akan turut memberi limpahan manfaat kepada komuniti veteran yang sentiasa memerlukan sokongan dan peluang ekonomi selepas menamatkan perkhidmatan.
7. Selain itu, saya turut dimaklumkan bahawa LTAT dan kumpulannya mempunyai kehadiran yang ketara di negeri ini. Melalui syarikat-syarikat di bawah Kumpulan LTAT, terdapat:
 - i. 6 buah ladang sawit milik **Boustead Plantations** dengan keluasan 10,300 hektar serta 2 kilang pemprosesan minyak sawit di Sarawak;
 - ii. **Pharmaniaga Logistic Berhad** yang terletak di Cawangan Kuching, juga beroperasi sebagai entiti pengedaran dan pemasaran produk farmaseutikal;
 - iii. **BHPetrol** turut berperanan dalam merangsang ekonomi dengan membekalkan pelbagai jenis pelincir kepada bengkel dan kilang di sekitar Sarawak; dan
 - iv. terdapat 7 buah kedai **PERNAMA** yang menjual barangan keperluan harian pada harga yang lebih rendah dari pasaran khusus untuk warga ATM dan veteran;

- v. Gudang milik UAC Berhad juga menyediakan perkhidmatan ruang simpanan inventori untuk meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan memenuhi keperluan logistik pelanggan mereka di Kuching dan kawasan sekitarnya; dan
 - vi. Selain itu, terdapat 6 cawangan Affin Bank dan 3 hub perniagaan utama yang menyediakan kemudahan perbankan kepada penduduk Sarawak.
8. Kehadiran ini mencerminkan komitmen dan penglibatan LTAT dalam memperkasa ekonomi Sarawak selain menyokong kesejahteraan warga pertahanan, anggota serta veteran ATM.
9. Pada tahun 2023 juga, LTAT julung kalinya telah melaksanakan Minggu Bersama Pencarum melalui Jelajah Sarawak untuk menyantuni pencarum LTAT di luar Semenanjung Malaysia. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pencarum mengenai visi LTAT dan syarikat-syarikat di bawah naungannya. Seramai lebih dari 5,000 anggota ATM telah hadir ke program ini, menggambarkan sambutan yang amat menggalakkan.

Hadirin yang dihormati,

10. Saya yakin bahawa perjanjian MoU ini berpotensi untuk menarik pelaburan baru yang akan merangsang pertumbuhan ekonomi, meningkatkan pendapatan negara, dan mengukuhkan kestabilan ekonomi. Ini akan membawa kepada penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Di samping itu, kerjasama ini juga akan membuka peluang kepada pemindahan teknologi dan pengetahuan, serta meransang inovasi yang seterusnya akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor-sektor yang terlibat.

11. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kami sentiasa menyokong dan mengalu-alukan sebarang inisiatif yang dapat memperkasa sektor-sektor yang terlibat. Besar harapan saya supaya MoU ini berjaya mencipta tahap kolaborasi yang lebih tinggi, lantas membuahkan manfaat yang mampan kepada kedua-dua pihak.

Hadirin yang saya hormati,

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah bekerja keras bagi merealisasikan perjanjian ini. Kepada LTAT dan Kerajaan Negeri Sarawak, saya berharap agar kerjasama ini dapat berlangsung dengan jayanya dan mencapai segala matlamat yang telah digariskan. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk menjadikan perjanjian ini sebagai satu indikator kejayaan yang wajar dijadikan contoh kepada sektor-sektor lain.
13. Dikesempatan ini juga, sekali lagi, saya menyeru Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengutamakan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada veteran ATM dalam pelbagai sektor. Sokongan dan peluang ini amat penting bagi memastikan kesejahteraan serta kestabilan ekonomi mereka selepas menamatkan perkhidmatan.
14. Perjanjian ini adalah selaras dengan prinsip **Ekonomi Madani** yang menekankan kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi yang inklusif serta mampan. Dengan adanya kerjasama ini, kita dapat memperkukuhkan lagi dasar Ekonomi Madani yang diharapkan dapat membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada semua lapisan masyarakat.

15. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Semoga Allah S.W.T memberkati usaha kita dan memberi kekuatan kepada kita untuk terus berkhidmat dengan penuh amanah.

16. Terima kasih, dan setinggi-tinggi penghargaan serta tahniah kepada semua pihak atas pencapaian ini. Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.